

Headline **BHPetrol Jitra sasar lapan terbaik**
Date **15 Dec 2010**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Sukan**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **63**
Article Size **249 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **2,165**
PRValue **6,495**



BHPetrol Jitra sasar lapan terbaik

PASUKAN BHPetrol Jitra yang mewakili Parlimen Kubang Pasu mensasarkan untuk berada dalam kelompok lapan pasukan terbaik pada pusingan akhir Kejohanan Futsal 1Belia 1Malaysia yang akan berlangsung di Kompleks Futsal, Presint 18, Putrajaya hujung minggu ini.

Sasaran itu mampu dicapai menerusi semangat juang tinggi serta kesungguhan yang ditunjukkan oleh semua pemain sepanjang latihan secara intensif sejak seminggu lalu.

Selaku juara Kejohanan Futsal Terbuka di Taiping, Perak dan menduduki tempat ketiga Pertandingan Futsal Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK) tahun ini, impian itu mampu dicapai.

Pengurus merangkap jurulatih, Mohd. Shahrin Ismail memberitahu, menerusi pendedahan pada pertandingan futsal, ia memberi banyak pengalaman kepada pemain untuk menyertai kejohanan yang lebih besar.

Katanya, prestasi pemain ketika ini berada pada tahap terbaik menerusi penerapan taktikal dan persefahaman di kalangan mereka.

"Pemain menjanjikan aksi terbaik pada kejohanan itu untuk sekurang-kurangnya mampu melangkah ke suku akhir," katanya ketika ditemui selepas menjalani latihan di Taman Sri Nyior, Jitra kelmarin.

Pasukan ini turut muncul juara Kejohanan Futsal Belia Parlimen Kubang Pasu, Johan Terbuka Futsal Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Naib Johan Terbuka Futsal Persatuan Bola Sepak Ke-



PASUKAN BHPetrol akan memastikan kehadiran mereka dirasai.

dah (KFA), tahun lalu.

Mohd. Shahrin memberitahu, pasukannya turut mempertaruhkan tiga pemain yang mewakili Kedah iaitu Nurul Husna Md. Isa, Nurul Atikah Omar dan Noor Hafidatul Asnee Mohd. Napiah.

Katanya, gandingan pemain berpengalaman ini dengan pemain baru dapat membentuk sebuah pasukan mantap untuk menghadapi saingan pada pusingan akhir

di Putrajaya, kelak.

"Menerusi penyertaan pada banyak pertandingan dan latihan intensif selama ini, diharapkan pemain dapat menyerap tekanan dan memberi saingan sengit kepada pasukan lawan.

"Pemain diharap dapat memberi fokus dan memenangi perlawanan demi perlawanan bagi mencapai sasaran lapan pasukan terbaik," katanya.